

Ekspedisi pertama rentas Selai-Peta kaji biologi

» *Rekod kajian untuk rancang pembangunan*



**Muhd Yusof
Abu Bakar**
← Wartawan

**Syed
Mohd Ridzuwan**
Jurugambar →



**Nashairi
Mohd Nawi**
← Wartawan

► **Labis**

Ekspedisi saintifik merentasi hutan Taman Negara Johor Endau Rompin dari Selai ke Peta yang bermula kelmarin, membolehkan penyelidik merekod dan mengkaji kepelbagaian biologi bagi memudahkan kerajaan me-

rancang pembangunannya.


Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar negeri, Tan Kok Hong, berkata walaupun dua ekspedisi diadakan pada 1985 dan 2002, namun buat kali pertama penerokaan merentas hutan kedua-dua daerah iaitu Selai di Segamat dan Peta di Mersing diadakan.

Katanya, ekspedisi saintifik kali ini relevan dengan objektif penubuhan Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ) dalam memulihara dan memelihara kepelbagaian biologi hutan di negeri ini.

“Desakan masyarakat era globalisasi berhubung isu kepelbagaian biologi dan alam sekitar memerlukan komitmen padu semua pihak dalam pengurusan sumber alam secara berkekalan.

“Dengan keluasan hutan Endau Rompin kira-kira 49,000 hektar dan sebahagian besar hutan tanah pamah, maka banyak kawasan yang masih belum diteroka penyelidik untuk

Peta ekspedisi Taman Negara Endau Rompin



menjalankan kajian,” katanya ketika merasmikan Ekspedisi Saintifik Selai-Peta di Lubuk Merekah, TNJER di sini, semalam.

Hadir sama Pengarah PTNJ, Suhairi Hashim. Sera-

mai 50 penyelidik dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menyertai ekspedisi itu.